Agregat semua peratusan yang perlu dibayar di bawah Faedah 1 berkaitan dengan mana-mana satu kemalangan tidak melebihi 100%. Sekiranya jumlah 100% telah dibayar, semua insurans di bawah ini hendak dengan serta merta berhenti berkuat kuasa. Semua kehilangan lain yang kurang daripada 100% jika telah dibayar hendaklah mengurangkan perlindungan dengan amaun itu dari tarikh kemalangan sehingga tamat tempoh Polisi.

Di mana kecederaan tidak ditetapkan di dalam Skala Pampasan, Syarikat mempunyai hak untuk menggunakan Peratusan Pampasan yang mengikut pendapatnya konsisten dengan peruntukan Skala Pampasan di atas dan tanpa mengambil kira pekerjaan Pihak Diinsuranskan.

#### FAEDAH 3 - PERBELANJAAN PERUBATAN

Syarikat akan membayar balik kos sebenar perubatan, pembedahan atau pemulihan lain, rawatan atau peralatan yang diberi atau dipreskripsikan oleh Pengamal Perubatan, dan semua caj hospital dan rumah penjagaan pesakit yang ditanggung akibat kecederaan anggota badan secara tidak sengaja yang dilindungi tertakluk kepada had maksimum sebagaimana yang ditetapkan di dalam Pelan yang dipilih.

#### FAEDAH 4 - PENGEBUMIAN

Syarikat akan membayar balik kepada waris atau wakil di sisi undang-undang Pihak Diinsuranskan belanja pengebumian sebenar yang ditanggung sekiranya berlaku kematian Pihak Diinsuranskan kerana kemalangan yang dilindungi tertakluk kepada had maksimum sebagaimana ditetapkan di dalam Pelan yang dipilih.

#### FAEDAH 5 - PENGHANTARAN PULANG JENAZAH

Syarikat akan membayar balik kepada waris atau wakil di sisi undang-undang Pihak Diinsuranskan belanja sebenar yang ditanggung bagi pengangkutan mayat mendiang Pihak Diinsuranskan balik ke Malaysia sekiranya kematian Pihak Diinsuranskan disebabkan kemalangan yang dilindungi yang berlaku kepada Pihak Diinsuranskan ketika mengembara ke luar Malaysia tertakluk kepada had maksimum sebagaimana ditetapkan di dalam Pelan yang dipilih.

#### FAEDAH 6 - FI AMBULANS

Syarikat akan membayar balik kepada Pihak Diinsuranskan caj sebenar yang ditanggung bagi perkhidmatan ambulans domestik yang perlu (termasuk atendan) dalam menghantar Pihak Diinsurans ke dan/atau dari Hospital akibat kemalangan yang dilindungi tertakluk kepada had maksimum sebagaimana ditetapkan di dalam Pelan yang dipilih.

#### FAEDAH 7 - LIABILITI PERIBADI

Polisi akan mengganti rugi Pihak Diinsuranskan terhadap semua jumlah yang Pihak Diinsuranskan bertanggungjawab di sisi undang-undang untuk membayar berkaitan dengan:

- (a) kecederaan anggota badan akibat kemalangan kepada mana-mana pihak ketiga
- (b) kehilangan atau kerosakan akibat kemalangan kepada harta pihak ketiga

terjadi dalam Had Wilayah semasa tempoh insurans dengan sentiasa menjadi syarat bahawa amaun yang perlu dibayar berkaitan dengan mana-mana satu tuntutan atau siri tuntutan akibat daripada mana-mana satu sebab tidak akan melebihi Had Liabiliti yang dinyatakan di dalam Jadual.

Sebagai tambahan Syarikat akan bayar semua kos dan belanja yang ditanggung dengan persetujuan bertulis Syarikat. Ahli keluarga Pihak Diinsuranskan yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan mengikut terma dan tertakluk kepada had faedah ini dengan syarat bahawa mereka hendaklah mematuhi memenuhi dan tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian faedah ini setakat mana yang ia digunapakai.

Sekiranya berlaku kematian Pihak Diinsuranskan, Syarikat akan mengganti rugi wakil diri di sisi undang-undang Pihak Diinsuranskan berkaitan dengan liabiliti yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan mengikut terma dan tertakluk kepada had faedah ini dengan syarat wakil dengan syarat sebagai Pihak Diinsuranskan mematuhi memenuhi dan tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian faedah ini setakat mana yang ia digunapakai.

##### (i) Had Wilayah

- (a) Malaysia dan Singapura
- (b) Di tempat lain di dalam dunia semasa lawatan sementara (kecuali Amerika Syarikat, Kanada dan wilayah yang ditadbir mereka).

##### (ii) Kuasa Perundangan

Syarikat tidak akan bertanggungjawab membayar:

- (a) pampasan bagi ganti rugi berkaitan dengan penghakiman yang tidak diputuskan atau diperolehi daripada mahkamah perundangan yang kompeten dalam Malaysia atau Singapura.
- (b) kos atau belanja litigasi yang diperolehi semula oleh mana-mana pihak menuntut daripada Pihak Diinsuranskan yang tidak ditanggung dan diperolehi semula dalam Malaysia atau Singapura.

##### (iii) Pengecualian

Syarikat tidak bertanggungjawab berkaitan dengan:

1. Apa-apa liabiliti secara langsung atau tidak langsung timbul daripada:
  - (a) pemilikan atau penghunian mana-mana tanah atau bangunan selain daripada pemilikan atau penghunian kediaman persendirian oleh Pihak Diinsuranskan.
  - (b) usaha atau pelaksanaan Pihak Diinsuranskan dalam mana-mana pekerjaan, perniagaan atau profesion.
  - (c) penggunaan kuda untuk memburu, perlumbaan atau lumba berhalang.
  - (d) penggunaan mana-mana kenderaan, pesawat udara atau air yang digerakkan secara mekanikal.
2. Liabiliti bagi kecederaan anggota badan kepada ahli keluarga Pihak Diinsuranskan atau kepada seseorang di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan dengan Pihak Diinsuranskan akibat daripada dan semasa diambil bekerja orang demikian oleh Pihak Diinsuranskan.
3. Liabiliti bagi kehilangan atau kerosakan kepada harta milik atau dalam jagaan atau kawalan Pihak Diinsuranskan atau seseorang dalam perkhidmatan Pihak Diinsuranskan.
4. Mana-mana liabiliti yang terikat kerana suatu perjanjian tetapi yang tidak akan diikat dengan ketiadaan perjanjian demikian.

##### (iv) Syarat Khusus

1. Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi notis kepada Syarikat apa-apa kecederaan, kehilangan atau kerosakan secepat mungkin selepas Pihak Diinsuranskan atau wakil Pihak Diinsuranskan mengetahui pada ketika itu. Pihak Diinsuranskan hendaklah menyerahkan dengan serta merta selepas menerima daripadanya setiap notis bertulis atau maklumat mengenai apa-apa notis tuntutan secara lisan dan hendaklah juga memberi notis kepada Syarikat dengan serta merta selepas dia mendapat tahu apa-apa prosiding. Pihak Diinsuranskan hendaklah menggunakan usaha terbaik untuk mengekalkan apa-apa kerosakan atau kecacatan atau peralatan atau barang lain yang mungkin terbukti perlu atau berguna sebagai bukti berhubung dengan mana-mana tuntutan dan setakat mana yang boleh dengan munasabah tiada pengubahan atau pembaikan dibuat tanpa persetujuan Syarikat selepas apa-apa kemalangan yang terjadi berhubung dengannya sehingga Syarikat mempunyai peluang pemeriksaan. Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi semua maklumat yang perlu dan bantuan dan menyerahkan semua dokumen untuk membolehkan Syarikat menyasailkan, menyelesaikan atau menolak mana-mana tuntutan sebagaimana Syarikat berpendapat adalah sesuai.
2. Pihak Diinsuranskan tidak menanggung apa-apa belanja sama ada melalui litigasi atau sebaliknya atau membuat apa-apa pembayaran penyelesaian pengaturan atau pengakuan liabiliti berkaitan dengan mana-mana tuntutan yang Syarikat mungkin bertanggungjawab di bawah Seksyen ini tanpa kuasa bertulis Syarikat. Syarikat berhak menggunakan nama Pihak Diinsuranskan bagi semua tujuan berhubung dengan Faedah ini termasuk membawa membela menguakkuasakan atau menetapkan prosiding undang-undang bagi manfaat Syarikat. Berhubung dengan mana-mana satu tuntutan atau beberapa tuntutan yang timbul daripada mana-mana satu sebab bagi indemniti terhadap liabiliti sebagaimana ditakrifkan di dalam Faedah ini, Syarikat boleh pada bila-bila masa bayar kepada Pihak Diinsuranskan Had Liabiliti (setelah penolakan apa-apa jumlah yang telah dibayar sebagai pampasan) atau apa-apa amaun yang kurang bagi tuntutan demikian yang boleh diselesaikan dan apabila pembayaran demikian dibuat Syarikat akan melepaskan pengurusan dan kawalan dan tidak lagi di bawah liabiliti berkaitan dengan tuntutan demikian kecuali pembayaran kos dan belanja litigasi yang boleh diperolehi semula atau ditanggung berkaitan dengan perkara sebelum tarikh pembayaran dan Syarikat tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kehilangan yang dikatakan telah dialami oleh Pihak Diinsuranskan akibat daripada apa-apa tindakan atau pengabaian Syarikat berhubung dengan tuntutan atau prosiding berkenaan.

## PERLUASAN

### 1. Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam

Walaupun terdapat apa-apa yang dinyatakan di dalam ini bertentangan, Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Orang Diinsuranskan bagi Kematian atau sebarang Kecederaan Anggota Badan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh Mogok, Rusuhan atau Kekecohan Awam kecuali Pihak Diinsuranskan sendiri mengambil bahagian secara aktif dalam keadaan tersebut.

### 2. Rampasan

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Pihak Diinsuranskan bagi Kematian atau Kecederaan Anggota Badan yang timbul daripada rampasan ketika mengembara, sama ada sebagai penumpang di transit darat atau sebagai penumpang di dalam pesawat udara berlesen penuh untuk membawa penumpang setakat sebagaimana dikecualikan di bawah Fasal Pengecualian Pengganasan.

## PENGECUALIAN

1. Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap Kecederaan Anggota Badan yang dialami:
  - (a) ketika Pihak Diinsuranskan melibatkan diri dalam atau berlatih untuk mengambil bahagian dalam latihan khusus kepada apa-apa bentuk sukan profesional, sebarang jenis perlumbaan (selain daripada berjalan kaki), bermotosikal, tinju, gusti, sebarang bentuk pertempuran tanpa senjata yang dipraktikkan secara kompetitif atau profesional, terjun lelabah dan apa-apa sukan atau kegiatan berbahaya yang mendedahkan Pihak Diinsuranskan kepada bahaya yang tidak diinginkan.
  - (b) oleh sawan, atau hernia, sebarang jenis keuzuran, penyakit kelamin, Sindrom Hilang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) apa juga cara sindrom ini diperolehi atau mungkin dinamakan, kuasa Keadilan, apa-apa perbuatan haram oleh Pihak Diinsuranskan atau pendedahan sengaja Pihak Diinsuranskan kepada bahaya yang tidak diinginkan kecuali dalam cubaan menyelamatkan nyawa manusia.
  - (c) ketika Pihak Diinsuranskan dalam keadaan tidak siaman.
  - (d) ketika Pihak Diinsuranskan berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata, Perkhidmatan Menyelamat, Pasukan Polis mana-mana negara atau pihak berkuasa antarabangsa, sama ada waktu aman atau peperangan, dalam keadaan demikian apabila dimohon oleh Pihak Diinsuranskan, Syarikat akan memulangkan premium pro-rata selama tempoh perkhidmatan tersebut.
2. Polisi ini tidak melindungi Kecederaan Anggota Badan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:
  - (a) peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, pertempuran (sama ada peperangan diisytihar atau tidak), peperangan saudara, pemberontakan, revolusi, insureksi, kuasa tentera atau rampasan dan sekiranya terdapat apa-apa tuntutan di bawah ini Pihak Diinsuranskan hendaklah bila dikehendaki oleh Syarikat membuktikan yang tuntutan itu timbul secara bebas dan tidak sekali-kali berhubung atau disebabkan oleh atau disumbang oleh atau boleh dikesan kepada kejadian tersebut atau mana-mana akibatnya dan jika tiadanya bukti demikian Syarikat tidak bertanggungjawab membuat apa-apa pembayaran berkaitan dengan tuntutan demikian.
  - (b) bahan senjata nuklear atau disumbang oleh atau timbul daripada sinaran pengionan atau kontaminasi oleh keradioaktifan daripada mana-mana bahan bakar nuklear atau daripada mana-mana sisa nuklear daripada pembakaran bahan bakar nuklear. Hanya bagi tujuan pengecualian ini pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses selenggara diri pembelahan nuklear.
  - (c) kecederaan diri sendiri, bunuh diri atau cubaan bunuh diri (sama ada jenayah atau tidak), serangan yang dirangsang, minuman keras yang memabukkan, dadah, sebarang jenis keuzuran mental atau ketidaksiuman.
3. Syarikat tidak bertanggungjawab terhadap Kecederaan Anggota Badan akibat daripada atau disumbangkan oleh Pihak Diinsuranskan:
  - (a) telah mengambil dadah melainkan Pihak Diinsuranskan membuktikan yang dadah diambil menurut preskripsi dan arahan perubatan yang betul dan tidak bagi rawatan penagihan dadah.
  - (b) mengalami kecacatan fizikal atau mental pra-wujud atau kerengsaan yang belum diisytiharkan kepada dan diterima secara bertulis oleh Syarikat.
  - (c) telah mengembara di dalam mana-mana Pesawat Udara MELAINKAN sebagai penumpang di dalam pesawat udara berlesen penuh untuk membawa penumpang tetapi tidak sebagai anak kapal atau pun bagi tujuan melibatkan diri dalam sebarang perdagangan atau operasi teknikal di dalamnya.
  - (d) terlibat dalam kegiatan sepenuh masa sebagai: pekerja luar persisir, pekerja pertukangan kayu, nelayan, pelaut atau kegiatan melibatkan bahan letupan.
4. Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap Kecederaan Anggota Badan akibat daripada atau disumbangkan oleh melahirkan anak atau selepas kelahiran atau oleh kehamilan oleh Pihak Diinsuranskan.
5. **FASAL PENGECUALIAN PENGGANASAN (Perlindungan Seluruh Dunia)**  
 Insurans yang disediakan di bawah Polisi ini tidak digunapakai kepada yang berikut:  
 Apa-apa kehilangan, kos atau belanja yang timbul daripada atau berkaitan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mana-mana "Kegiatan Pengganas", sebagaimana ditakrifkan di dalam ini. Pengecualian ini dipakai tanpa mengambil kira mana-mana sebab atau peristiwa lain yang dalam sebarang cara menyumbang serentak atau dalam apa-apa turutan kepada kerugian, kos atau belanja. Bagi tujuan pengecualian ini,
  - A. "Kegiatan Pengganas" hendaklah bermakna sebarang perbuatan sengaja, haram yang:
    1. diisytiharkan oleh mana-mana pegawai kerajaan yang diberi kuasa sebagai atau libatkan pengganasan, kegiatan pengganas atau perbuatan pengganasan; atau
    2. disertai, melibatkan, atau berkaitan dengan penggunaan atau ugutan penggunaan kekerasan, keganasan atau kecederaan terhadap seseorang, harta ketara atau tidak ketara, persekitaran, atau mana-mana sumber asli, di mana perbuatan itu diniatkan, keseluruhan atau sebahagian, untuk
      - (a) mempromosikan atau mempertingkatkan tujuan atau objektif politik, ideologi, falsafah, bangsa, etnik, sosial atau agama pelaku jenayah itu atau mana-mana organisasi, persatuan atau kumpulan yang bergabung dengan pelaku jenayah itu;
      - (b) mempengaruhi, mengganggu atau campur tangan dengan mana-mana operasi, kegiatan atau dasar berkaitan kerajaan;
      - (c) mengugut, memaksa atau menakut orang awam atau mana-mana bahagian orang awam; atau
      - (d) mengganggu atau campur tangan ekonomi negara atau mana-mana bahagian ekonomi negara; atau
    3. disertai, melibatkan atau berkaitan dengan, keseluruhannya atau sebahagian, mana-mana kegiatan berikut, atau ancamannya:
      - (a) merampas atau sabotaj mana-mana bentuk pengangkutan atau kenderaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pesawat angkasa lepas, satelit, pesawat udara, kereta api, kapal, atau kenderaan bermotor;
      - (b) penahanan atau penculikan tebusan;
      - (c) penggunaan mana-mana agen, bahan, peranti atau senjata biologi, kimia, radioaktif atau nuklear;
      - (d) penggunaan mana-mana bom, peranti pembakaran, bahan letupan atau senjata api;
      - (e) campur tangan atau gangguan perkhidmatan dan sistem asas awam atau komersil, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan atau sistem berikut: tenaga elektrik, gas asli, kuasa, pos, komunikasi, telekomunikasi, maklumat, pengangkutan awam, air, bahan bakar, pembentung atau pembuangan sampah;
      - (f) mencederakan atau membunuh mana-mana pegawai kerajaan yang dipilih atau dilantik atau mana-mana pekerja kerajaan;
      - (g) rampasan, sekatan, campur tangan, gangguan atau kerosakan kepada mana-mana bangunan, institusi, aturcara, acara, harta ketara atau tidak ketara atau aset lain kerajaan; atau
      - (h) rampasan, sekatan, campur tangan, gangguan, kerosakan kepada terowong, jalan, lorong, lebuhraya atau tempat lain pengangkutan atau kenderaan awam.
  - B. Mana-mana kegiatan yang disenaraikan di dalam Seksyen A(3) di atas hendaklah dianggap Kegiatan Pengganas kecuali sekiranya Pihak Diinsuranskan boleh dengan yakin menunjukkan kepada Syarikat bahawa kegiatan tersebut atau ancamannya digalakkan semata-mata oleh objektif peribadi pelaku jenayah adalah tidak berkaitan, seluruh atau sebahagian, mana-mana niat untuk
    1. mempromosi atau meningkatkan tujuan atau objektif politik, ideologi, falsafah, bangsa, etnik, sosial atau agama pelaku jenayah atau mana-mana organisasi, persatuan atau kumpulan yang bergabung dengan pelaku jenayah;
    2. mempengaruhi, mengganggu atau campur tangan mana-mana operasi, kegiatan atau dasar berkaitan kerajaan;
    3. mengugut, memaksa atau menakutkan orang awam atau mana-mana bahagian orang awam; atau
    4. mengganggu atau campur tangan ekonomi negara atau mana-mana ekonomi negara.

(NMA 2919)

## TAFSIRAN

Bagi tujuan Polisi ini perkataan atau ungkapan berikut yang digunakan di dalam Polisi membawa makna khusus sebagaimana ditafsirkan di bawah ini dan hendaklah mempunyai makna yang sama di mana saja ia tercatat di dalam Polisi:

1. **Pihak Diinsuranskan/Orang Diinsuranskan** hendaklah bermakna Orang yang dilindungi di bawah Polisi sebagaimana dinamakan di dalam Jadual.
2. **Cadangan** hendaklah bermakna mana-mana borang cadangan dan perisytiharan yang ditandatangani dan apa-apa maklumat diberikan oleh atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan atau Orang Diinsuranskan sebagai tambahan kepadanya atau sebagai penggantian untuknya.
3. **Jadual** hendaklah bermakna Jadual Polisi yang dilampirkan dan menjadi sebahagian Polisi ini.
4. **Pengendorsan** hendaklah bermakna bukti bertulis perubahan Polisi yang dipersetujui yang ditandatangani oleh penandatanganan yang diberi kuasa oleh Syarikat.
5. **Had Umur** hendaklah dipakai sebagaimana dinyatakan:
 

<b>Pihak Diinsuranskan / Pasangan:</b>	<b>Had Umur Minimum</b>	<b>16 tahun</b>	<b>hingga</b>	<b>Had Umur Maksimum</b>
				<b>65 tahun</b>
6. **Kemalangan** hendaklah bermakna suatu peristiwa bersifat tidak sengaja yang hendaklah secara bebas daripada mana-mana sebab lain menjadi sebab kecederaan anggota badan, dan hendaklah disertai mana-mana atau semua kecederaan anggota badan dan/atau komplikasi yang timbul daripadanya.
7. **Kecederaan Anggota Badan** hendaklah bermakna kerosakan anggota badan disebabkan semata-mata dan secara langsung daripada cara tidak sengaja dan tidak disertai sakit, penyakit atau mana-mana keadaan atau proses kemerosotan secara semula jadi.
8. **Kekal** sebagaimana digunakan berkaitan dengan hilang upaya bermakna ketidakupayaan yang berpanjangan lebih daripada tiga ratus enam puluh lima (365) hari berikutnya tidak mempunyai harapan untuk sembuh.
9. **Hilang Upaya Kekal Menyeluruh** bermakna hilang upaya yang:
  - (i) berterusan bagi tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari, dan
  - (ii) disahkan sebagai menyeluruh, terus menerus dan kekal oleh Pengamal Perubatan selepas tiga ratus enam puluh lima (365) hari, dan
  - (iii) menghalang Orang Diinsuranskan sepenuhnya daripada melibatkan diri atau memberi perhatian kepada mana-mana dan setiap jenis pekerjaan yang berhasil bagi baki hayatnya.
10. **Pengamal Perubatan** hendaklah bermakna doktor, selain daripada Pihak Diinsuranskan atau ahli keluarganya yang terdekat, yang berkelayakan dengan ijazah dalam Perubatan Barat dan dilesenkan mengikut undang-undang untuk mengamalkan perubatan. Keluarga terdekat hendaklah bermakna pasangan, ibu bapa dan adik beradik Orang Diinsuranskan.
11. **Pihak Ketiga** hendaklah bermakna seseorang selain daripada ahli keluarga terdekat Pihak Diinsuranskan dan ahli keluarga Pihak Diinsuranskan yang menetap dengannya.

## SYARAT AM

1. Semua notis yang dikehendaki diberi oleh Pihak Diinsuranskan kepada Syarikat mesti secara bertulis dialamatkan kepada Syarikat dan tidak ada perubahan dalam terma Polisi ini atau pun apa-apa pengendorsan ke atasnya akan dianggap sah melainkan pengendorsan itu ditandatangani atau diparap oleh wakil yang diberi kuasa oleh Syarikat.
2. Sebarang penerimaan oleh Pihak Diinsuranskan atau wakil diri di sisi undang-undang Pihak Diinsuranskan akan melepaskan liabiliti Syarikat. Pihak Diinsuranskan atau wakil diri di sisi undang-undang Pihak Diinsuranskan tidak akan mempunyai hak untuk menuntut dari atau menyaman Syarikat. Sekiranya Pihak Diinsuranskan terdiri lebih dari satu pihak yang berkepentingan terhadap Orang Diinsuranskan, faedah itu adalah jumlah keseluruhan yang perlu dibayar berkaitan dengan Orang Diinsuranskan untuk semua kepentingan yang dilindungi oleh Polisi ini.
3. Syarikat tidak terikat menerima atau dipengaruhi oleh sebarang notis apa-apa amanah, cagaran, lien, penyerahan hak atau urusan lain dengan atau berkaitan Polisi.
4. Jika cadangan atau perisytiharan Pihak Diinsuranskan tidak benar dari mana-mana segi atau jika apa-apa fakta penting mempengaruhi risiko dinyatakan tidak betul di dalamnya atau ditinggalkan daripadanya atau jika Insurans ini atau apa-apa pembaharuan daripadanya telah diperolehi melalui apa-apa salah nyata, salah beri gambaran atau penyelindungan atau jika apa-apa tuntutan dibuat secara penipuan atau diperbesar-besarkan atau jika apa-apa perisytiharan atau kenyataan palsu dibuat menyokongnya, maka dalam mana-mana kes ini Polisi ini tidak sah.
5. Jika apa-apa perbezaan timbul mengenai jumlah untuk dibayar di bawah Polisi ini (liabiliti sebaliknya diakui), perbezaan sedemikian hendaklah dirujuk kepada keputusan Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang berselisih atau jika mereka tidak boleh bersetuju dengan seorang Penimbang Tara, kepada keputusan dua orang Penimbang Tara, seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak, dalam masa satu bulan kalendar setelah dikehendaki secara bertulis berbuat demikian oleh salah satu pihak, atau jika Penimbang Tara tidak bersetuju, oleh Wasit yang dilantik secara bertulis Penimbang Tara sebelum memasuki perujukan. Wasit hendaklah duduk bersama Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat mereka. Keputusan memberi award hendaklah menjadi syarat duluan kepada apa-apa hak tindakan terhadap Syarikat.
6. Dalam keadaan apa-apa pun Syarikat tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kehilangan atau kecederaan selepas tamat tempoh dua belas (12) bulan dari kejadian kehilangan atau kecederaan melainkan tuntutan itu menjadi atau timbang tara yang belum selesai.
7. Pematuhan dan pemenuhan terma, syarat dan pengendorsan Polisi ini, setakat yang ia berkaitan kepada apa-apa dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak Diinsuranskan, dan kebenaran kenyataan dan jawapan di dalam cadangan tersebut yang dibuat oleh Pihak Diinsuranskan hendaklah menjadi syarat duluan kepada apa-apa liabiliti Syarikat untuk membuat bayaran di bawah Polisi ini.
8. Perlindungan Orang Diinsuranskan adalah tertakluk kepada kediaman mereka di Malaysia. Perlindungan tidak diperluaskan kepada mana-mana Orang Diinsuranskan yang tinggal di luar Malaysia melainkan perluasan perlindungan telah diberi terdahulu oleh Syarikat. Sekiranya berlaku perubahan Negara Kediaman, Syarikat mesti diberitahu secara bertulis apa-apa perubahan dalam Negara Kediaman Orang Diinsuranskan. Perubahan dalam Negara Kediaman hendaklah disifatkan sebagai Orang Diinsuranskan tinggal atau berniat untuk tinggal di negara lain selain daripada Malaysia melebihi dua belas (12) bulan kalendar berturut-turut. Kegagalan memberitahu Syarikat perubahan ini akan membatalkan insurans berkaitan dengan Orang Diinsuranskan berkuat kuasa tarikh dia meninggalkan Malaysia secara tetap. Syarikat berhak meneruskan perlindungan mengikut terma dan syarat sedia ada atau menolak perlindungan di bawah polisi ini setelah menerima maklumat berkenaan.
9. **BAYARAN SEBELUM PERLINDUNGAN**  
Adalah menjadi keperluan dan syarat mutlak polisi ini bahawa premium penuh yang perlu dibayar diterima oleh Syarikat pada atau sebelum tarikh permulaan polisi ini atau di endors kemudian. Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas Polisi ini kecuali premium tersebut telah dibayar kepada Syarikat sebelum permulaan perlindungan.

## PENAMATAN INSURANS

1. **Penamatan oleh Pihak Diinsuranskan**  
Jika Pihak Diinsuranskan memberi notis secara bertulis kepada kami untuk menamatkan Polisi, atau menamatkan insurans berkaitan dengan Orang Diinsuranskan, penamatan demikian akan berkuat kuasa pada hari penerimaan pemberitahuan.
2. **Penamatan oleh Syarikat**  
Kami boleh memberi notis penamatan insurans ini melalui pos berdaftar kepada Pihak Diinsuranskan di alamatnya yang akhir diketahui. Penamatan demikian akan berkuat kuasa tujuh (7) hari berikutan tarikh notis demikian.
3. **Penamatan Automatik**  
Insurans terhadap Orang Diinsuranskan akan berhenti
  - (i) pada tarikh pembaharuan selepas Orang Diinsuranskan mencapai umur 65 tahun.
  - (ii) apabila terjadi suatu kemalangan yang menimbulkan tuntutan di bawah Faedah Kematian atau sekiranya jumlah 100% Hilang Upaya Kekal telah dibayar.



## PENYELESAIAN TUNTUTAN

1. Sekiranya berlaku kemalangan, Syarikat perlu diberitahu dalam masa 14 hari selepas kemalangan itu. Pemberitahuan awal boleh dibuat melalui telefon dan faksimile dan kami akan hantar kepada anda borang tuntutan yang mesti dilengkapi dan dikembalikan secepat mungkin.
2. Pihak Diinsuranskan (atau wakil diri di sisi undang-undang Pihak Diinsuranskan) hendaklah dengan perbelanjaanya memberi kepada Syarikat semua jadual, maklumat dan bukti seperti diperlukan oleh Syarikat dan Pihak Diinsuranskan hendaklah bila-bila dikehendaki bersetuju menjalani pemeriksaan perubatan atas perbelanjaannya Syarikat. Sekiranya berlaku kematian Pihak Diinsuranskan Syarikat berhak mendapatkan pemeriksaan post mortem atas perbelanjaannya untuk memastikan sebab kematian. Notis hendaklah bila boleh dilaksanakan diberi kepada Syarikat sebelum pengebumian atau pembakaran.
3. Tiada pampasan yang dinyatakan di dalam Jadual perlu dibayar sehingga jumlah amaun pampasan telah ditentukan dan dipersetujui.
4. Semua indemniti Polisi ini perlu dibayar kepada Pihak Diinsuranskan. Apa-apa indemniti terakru kepada Orang Diinsuranskan pada kematiannya hendaklah dibayar kepada Penama yang akhir dinamakan di bawah Polisi ini. Ketiadaan Penamaan (kerana tiada pemilihan atau tidak sah), pembayaran akan dibuat kepada Estet Pihak Diinsuranskan.
5. Tiada jumlah yang perlu dibayar di bawah Polisi ini mempunyai faedah.

Specimen Only



THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK